

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.10.2015**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Pelan Rancangan 12 Perkara yang dilaksanakan oleh Khazanah melalui suntikan dana sebanyak RM6 billion demi menyelamatkan Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines (MAS).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang dilancarkan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) pada 29 Ogos

2014 telah menggariskan 12 bidang tumpuan utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan dan Persekitaran Pemboleh. Usaha-usaha ini sedang dilaksanakan secara berperingkat bagi memulihkan kembali syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Bhd (MAB) [dahulunya dikenali sebagai Malaysian Airline System Bhd (MAS)] menjelang tahun 2018.

Dua belas bidang tumpuan utama di bawah PPM tersebut adalah seperti berikut:

1. Penubuhan sebuah syarikat baharu (NewCo) iaitu MAB, penyahsenaraian syarikat lama iaitu MAS dan penyenaaran semula NewCo;
2. Pendanaan sehingga RM6.0 bilion dengan syarat yang ketat dan pengurangan nisbah bersih hutang berbanding modal ekuiti (*gearing*) kepada kira-kira 120%;
3. Penetapan semula (*reset*) model perniagaan melalui rangkaian yang memberi tumpuan serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil pendapatan;

4. Perpindahan dan penyatuan ibu pejabat dan operasi dari Subang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);
5. Pengukuhan jaminan, integriti dan keselamatan fungsi;
6. Kajian dan rundingan semula semua kontrak bekalan;
7. Pengukuhan barisan kepimpinan;
8. Penyesuaian saiz tenaga kerja kepada kira-kira 14,000 orang sahaja di NewCo;
9. Pengukuhan perhubungan industri dan penjajaran dalaman;
10. Melaksanakan dengan teratur latihan semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula;
11. Sokongan Kerajaan secara berterusan terhadap inisiatif utama; dan
12. Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan.